

189 pelajar FTK tahun akhir pameran projek penyelidikan

Kuantan, 11 Januari- Seramai 189 orang pelajar dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) mempamerkan poster projek sarjana muda yang memfokuskan enam bidang iaitu pembuatan, elektrik, tenaga dan persekitaran, farmasitikal, pengurusan infrastruktur dan kesihatan dan keselamatan pekerjaan dalam pameran yang berlangsung di Dewan Astaka UMP Gambang.

Dekan FTK, Profesor Dato' Dr. Zularisam Ab. Wahid berkata, program sebegini dapat memupuk minat pelajar untuk lebih mengiatkan diri dan menceburi bidang rekaan projek terbaharu dan inovatif selari dengan slogan UMP sendiri.

"Selain itu, para pelajar juga berpeluang memperluaskan diri untuk lebih tampil berkeyakinan dalam membentangkan hasil projek penyelidikan mereka semasa dinilai oleh panel juri yang terdiri daripada pihak industri dan panel akademik," katanya.



Dalam program ini menyaksikan projek Water Level Measurement Control Using Ultrasonic Sensors dan Hybrid Energy Generation for Highway Lighting System dipilih menerima anugerah khas bagi kategori program BTV (Energy and Environmental), BTM (Manufacturing) dan BTE (Electrical).

Manakala kategori berkumpulan dari program BTP (Pharmaceutical) dimenangi projek inovatif yang bertajuk Design of Gastro-Retentive Floating Tablets of Famotidine as Newer Anti- Ulcer Therapeutics: Formulation, Development and Evaluation.

Selain itu, bagi kategori individu bagi program BTC (Infrastructure Management) dan BPS (Occupational Safety & Health), anugerah khas dimenangi projek bertajuk Malaysia Flood Emergency Shelter (MyFES): Sulfuric Acid Pre-Treated Pozzolan for Concrete Tower, projek berjudul Health Risk Assessment of Heavy Metal Associated with Particulate Matter (PM10) in Mining near to Residential Area of Kuantan

Sementara itu, anugerah khas bagi subjek Technology Design Project (TDP) yang melibatkan para pelajar dari program BTC turut dimenangi kumpulan InfraSolver Sdn Bhd dan DotCompany apabila kedua-dua kumpulan in telah berjaya menguasai semua elemen dalam proses perekaan projek infrastruktur.



Berita dan gambar disediakan oleh Andri Kusbiantoro dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 17-01-2017, 08:39:45